




PELAN STRATEGIK JAKIM 2015 - 2019





PELAN STRATEGIK JAKIM 2015-2019

KANDUNGAN



Perutusan MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّاتُهُ

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur setulusnya disembahkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam diucapkan kepada Nabi Muhammad SAW semulia-mulia nabi dan rasul, seterusnya kepada ahli keluarga baginda dan para sahabat sekaliannya.

Terima kasih kepada Jakim kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dalam buku Pelan Strategik Jakim 2015 – 2019 ini. Pada hemat saya, dokumen ini amat penting sebagai mekanisme utama dalam gerak kerja Jakim untuk mencapai visi dan misinya bagi

“

Saya amat yakin terhadap keupayaan Jakim, selaku agensi penyelarasan dan pengurusan hal ehwal Islam di peringkat pusat, dengan gabungan usaha dan tenaga daripada semua agensi pelaksana di peringkat negeri, sama-sama dapat berperanan mengurus hal ehwal Islam dengan berkesan di negara Malaysia ini.

”

tempoh lima tahun akan datang. Ia selaras dengan situasi pengurusan hal ehwal Islam kebelakangan ini yang dilihat semakin kompleks dan mencabar. Justeru, segala perancangan dan pelaksanaan program memerlukan pendekatan yang strategik, yang boleh menghasilkan impak bernilai tinggi demi merealisasikan ketinggian Islam dan memenuhi maslahat ummah keseluruhannya.

Saya amat yakin terhadap keupayaan Jakim, selaku agensi penyelarasan dan pengurusan hal ehwal Islam di peringkat pusat, dengan gabungan usaha dan tenaga daripada semua agensi pelaksana di peringkat negeri, sama-sama dapat berperanan mengurus hal ehwal Islam dengan berkesan di negara Malaysia ini. Banyak kejayaan telah terbukti hasil

penggembangan usaha dan tenaga ini yang meletakkan Malaysia sebagai rujukan sebuah negara Islam contoh dalam peta dunia.

Saya berharap, dokumen pelan strategik ini bukan sahaja menjadi panduan utama kepada warga kerja Jakim, tetapi juga sebagai rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan, kementerian dan jabatan kerajaan, terutamanya agensi-agensi pengurusan Islam di peringkat pusat dan negeri.

Sekian, terima kasih.

**MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)**

Perutusan KETUA SETIAUSAHA NEGARA

اللَّهُمَّ اسْتَغْفِرُكَ وَرَبِّي أَنْ تَغْفِرْ لِي

Segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT. Selawat dan salam diucapkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda sekalian.

Sekalung tahniah kepada Jakim yang telah berjaya menyediakan Pelan Strategik Jakim 2015 - 2019. Saya yakin bahawa Pelan Strategik Jakim ini digubal untuk memenuhi hasrat kerajaan ke arah memperkuatkannya sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan gagasan “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.



“

Saya menaruh kepercayaan bahawa Pelan Strategik Jakim 2015 - 2019 ini akan menjadi pamacu kepada usaha mentransformasikan pengurusan hal ehwal Islam ke tahap yang lebih dinamik, responsif dan berorientasikan prestasi dalam menjayakan misi nasional.

”

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mentransformasikan perkhidmatan awam di negara ini. Antara inisiatif tersebut adalah pembangunan Pelan Strategik dan Pelan Transformasi Agensi, rekayasa semula proses (*process reengineering*) bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan, pelaksanaan strategi teknologi maklumat dan komunikasi, penggembangan tenaga kerja optimum melalui perkongsian strategik antara agensi dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kepimpinan jabatan mestilah menetapkan momentum agenda transformasi yang diperkuuhkan dengan semangat ingin tahu yang tinggi serta sedia mencabar status quo sepetimana yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana

Menteri Malaysia, “*be bold and daring... to break new ground and do things differently*”.

Saya menaruh kepercayaan bahawa Pelan Strategik Jakim 2015 - 2019 ini akan menjadi pamacu kepada usaha mentransformasikan pengurusan hal ehwal Islam ke tahap yang lebih dinamik, responsif dan berorientasikan prestasi dalam menjayakan misi nasional. Saya berharap agar warga kerja Jakim dapat menghayati dan menterjemahkan pelan strategik ini dalam setiap program yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA

Kata Alu-Aluan

Ketua Pengarah Jakim

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan keizinan-Nya Pelan Strategik Jakim 2015 - 2019 dapat dihasilkan, berkat kesatuan tenaga serta idea semua pihak.

Pelan strategik ini menggariskan tujuh teras utama yang menjadi fokus gerak kerja Jakim dalam tempoh lima tahun akan datang. Jakim akan berusaha melaksanakan semua program yang terkandung dalam teras-teras tersebut bagi mencapai objektif masing-masing.



66

Justeru, Jakim perlu menjadi sebuah organisasi yang terbaik selari dengan visinya, iaitu “Peneraju Kecemerlangan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia Menjelang 2020” dan misinya “Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam Untuk Meningkatkan Kemaslahatan Negara Melalui Pemerkasaan Agensi Islam Secara Inovatif dan Strategik”.

67

Realitinya, tanggungjawab Jakim sebagai agensi penyelaras pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia semakin mencabar dan sentiasa dirujuk dalam segala hal berkaitan Islam. Justeru, Jakim perlu menjadi sebuah organisasi yang terbaik selari dengan visinya, iaitu “Peneraju Kecemerlangan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia Menjelang 2020” dan misinya “Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam Untuk Meningkatkan Kemaslahatan Negara Melalui Pemerkasaan Agensi Islam Secara Inovatif dan Strategik”. Mengimbau memori kejayaan Jakim, saya amat bersyukur dan bangga dengan komitmen yang dipamerkan seluruh warga Jakim sehingga berjaya dinobatkan sebagai Jabatan Paling Inovatif, Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2013.

Harapan saya momentum kejayaan ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan oleh semua warga Jakim dengan melaksanakan program yang terkandung dalam pelan strategik ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri dan semua pihak yang telah menyumbang idea dan tenaga dalam menyediakan pelan strategik ini. Semoga segala amal usaha kita mendapat pertolongan dan petunjuk Allah SWT serta memperoleh sebaik-baik ganjaran daripada-Nya.

Sekian, terima kasih.

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

BAB

1

Pendahuluan



PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Jakim 2015 – 2019 ini digubal selaras dengan visi Jakim untuk menjadi Peneraju Kecemerlangan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia Menjelang 2020. Ia juga mengambil kira dasar-dasar perkhidmatan awam yang diputuskan oleh pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) mengenai peningkatan kualiti sistem penyampaian kepada pelanggan.

Pelan ini mengandungi latar belakang jabatan, hala tuju strategik dan pelan tindakan bagi memberi gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan strategik Jakim untuk tempoh lima tahun akan datang. Bagi merealisasikan visi dan misi Jakim, sebanyak tujuh teras strategik telah digariskan, iaitu:

Memantapkan perundangan Islam melalui penyelarasan dan penyeragaman undang-undang ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariat Islam;

Mengukuhkan bidang penyelidikan dan pembangunan Islam ke arah melestarikan kemajuan ummah;

Mengukuhkan kerjasama strategik dan ukhuwah Islamiah di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa ke arah penyatuan ummah;

Memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah;

Memantapkan penyelarasan dan pembangunan halal ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju halal dunia;

Mengukuhkan pembangunan pendidikan Islam ke arah melahirkan insan kamil; dan

Memperkasakan keupayaan organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan.

Pelaksanaan pelan strategik ini dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Dalam tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi menentukan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran benar-benar berkesan.

PENGENALAN



Pelan Strategik Jakim 2015 – 2019 ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik Jakim 2009 – 2014. Ia diwujudkan bagi menetapkan hala tuju dan rangka kerja Jakim bagi tempoh lima tahun seiring dengan matlamat negara untuk mencapai taraf negara maju seperti yang disasarkan dalam Wawasan 2020.

Pelan strategik ini digubal dengan mengambil kira fungsi Jakim seperti yang ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

(MKI). Penggubalan pelan strategik ini turut mendasarkan kepada analisis persekitaran terhadap isu serta cabaran mengenai Islam dalam konteks semasa dan akan datang.

Pelan strategik ini sangat penting sebagai panduan kepada seluruh warga Jakim bagi melaksanakan agenda organisasi secara sistematik dan berkesan berdasarkan kepada strategi yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga menjadi rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan Jakim yang terdiri daripada pelbagai agensi, institusi, pertubuhan, orang ramai dan lain-lain.

Dokumen ini diharap dapat mencapai matlamatnya, iaitu bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam di peringkat persekutuan untuk memperoleh kesejahteraan ummah dan kemaslahatan negara.



LATAR BELAKANG AGENSI

Kewujudan Jakim dalam jentera pentadbiran negara mempunyai kepentingan yang signifikan. Seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara berkaitan Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri. Justeru, ia memerlukan sebuah organisasi khusus di peringkat pusat bagi menyelaraskan urusan berkenaan.

Penglibatan Kerajaan Pusat dalam urusan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini bermula apabila Majlis Raja-Raja dalam persidangannya kali ke-81 pada 17 Oktober 1968 telah bersetuju menubuhkan sebuah badan bagi menyelaraskan pentadbiran agama Islam di seluruh negara. Badan ini telah dirasmikan penubuhannya pada 1 Julai 1969 dengan nama Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Barat. Badan ini kemudian ditukar namanya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia


(MKI) pada 17 Jun 1971 apabila Sabah dan Sarawak menjadi ahli.

Serentak dengan penubuhan MKI pada 1 Julai 1969, sebuah urus setia kepada majlis ini turut diwujudkan. Urus setia berkenaan yang mulanya beroperasi di Pejabat Perdana Menteri telah melalui proses pengembangan dan transformasi selaras dengan situasi semasa dan keperluan negara. Pada 1 Februari 1974, Urus Setia MKI ini dinaik taraf menjadi Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. Kemudian, pada 21 Mei 1985 bersamaan 1 Ramadan 1405, bahagian ini ditukar namanya kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (Baheis), Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya, pada 1 Januari 1997, bahagian ini dinaik taraf sebagai sebuah jabatan dengan nama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Perdana Menteri.



STRUKTUR ORGANISASI





FUNGSI

PERUNDANGAN ISLAM

- Menyeragamkan undang-undang Islam dan pelaksanaannya di Malaysia.
- Menggubal draf akta undang-undang Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.

PENDIDIKAN ISLAM


- Memantapkan penyelarasan pengurusan pendidikan Islam di peringkat negeri dan persekutuan.
- Melahirkan para huffaz yang berkualiti bagi menyokong program dakwah.

JAKIM

PENTADBIRAN ISLAM

- Merancang dan menyelaraskan pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan dan negeri.
- Menggubal dasar dan menentukan hala tuju kemajuan Islam di Malaysia.
- Menjadi agensi rujukan, pengiktirafan, penarafan dan khidmat nasihat berkaitan Islam.
- Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan berkaitan hal ehwal Islam.
- Memelihara pegangan dan penghayatan akidah umat Islam berdasarkan Ahli Sunnah wal-Jamaah daripada sebarang bentuk penyelewengan.
- Menyediakan pandangan hukum dalam bentuk fatwa serta menyeragamkannya antara negeri.
- Mengukuhkan kerjasama strategik hal ehwal Islam di peringkat serantau dan antarabangsa.
- Mengukuhkan ukhuwah dan perpaduan dalam kalangan umat Islam.
- Menyebarluaskan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat.
- Mengukuhkan institusi keluarga dan komuniti Islam.
- Menerajui pengurusan halal di peringkat domestik dan antarabangsa.
- Memperkasakan keupayaan modal insan Jakim dan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam di peringkat persekutuan dan negeri.

PUNCA KUASA (HAL EHWAL ISLAM)



Perkara 3 (1), (2) dan (5)

3. Agama bagi Persekutuan

(1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

(2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membentarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Perkara 12(2)**12. Hak berkenaan dengan pendidikan**

(2) Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi pendidikan kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidak boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.

JADUAL KESEMBILAN**Senarai II- Senarai Negeri**

1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.



PERATURAN
MAJLIS KEBANGSAAN
BAGI
HAL EHWAL UGAMA ISLAM
MALAYSIA

Perkara 7

7. Tugas-tugas Majlis ialah :
 - a) Membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujukkan kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran;
 - b) Memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundungan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

Perkara 10

10. Majlis adalah berkuasa melantik sebuah Jawatankuasa Kecil bagi menguruskan apa-apa perkara yang berkenaan dengan tugas-tugasnya dan Majlis boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang lain menjadi ahli Jawatankuasa Kecil itu.

Perkara 16

16. Tiadalah apa-apa jua perbuatan Majlis boleh menyentuh kedudukan, hak, kelebihan, hak kedaulatan dan kuasa-kuasa yang ada pada Raja sebagai Ketua Ugama Islam dalam Negerinya dan sebagaimana yang ada diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia dan dalam Perlembagaan bagi Negerinya.


Akta 505

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

Seksyen 3. Kecualian prerogatif

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalamnya boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

PUNCA KUASA (PENTADBIRAN)



BAB

2

Scenario Persekitaran

SENARIO PERSEKITARAN

PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

Yang di-Pertuan Agong
Majlis Raja-Raja
Perdana Menteri
Jemaah Menteri
Ketua Setiausaha Negara



PELANGGAN

Kementerian dan Jabatan Persekutuan
Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri
Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri
Jabatan Mufti Negeri
Badan Berkanun
Sektor Swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan
Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta
Pertubuhan Bukan Kerajaan
Masyarakat dan Orang Ramai
Masyarakat Serantau dan Antarabangsa

ISU DAN CABARAN

Menyeragamkan
Undang-Undang
Islam dan Fatwa

Melaksanakan
Dasar Islam
Yang Menyeluruh

Mengukuhkan
Jaringan
Kerjasama dan
Ukhuwah

Memupuk
Perpaduan
Ummah

Melaksanakan
Gerakan
Islah dan
Dakwah
Bersepada

Mengukuhkan
Akhlak dan
Sahsiah Islam

Mengukuhkan
Akidah
Berteraskan
Ahli Sunnah
wal-Jamaah

Menangkis
Persepsi Negatif
Terhadap Islam

Memantapkan
Institusi Keluarga
Islam

Memantapkan
Pengurusan Halal

Menyeragamkan
Pendidikan
Islam

Memantapkan
Tadbir Urus
Agensi dan
Institusi Islam

Membangunkan
Modal Insan

Manfaatkan
Ledakan Teknologi
Informasi dan
Komunikasi

Menyeragamkan Undang-Undang Islam dan Fatwa

Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan mengandungi peruntukan perkara-perkara yang termasuk di bawah bidang kuasa Persekutuan, bidang kuasa negeri dan bidang kuasa bersama. Sumber bidang kuasa perundangan Islam dan pentadbiran Mahkamah Syariah terletak di bawah Senarai II, Senarai Negeri. Badan perundangan negeri diberikan kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan untuk mentadbirkan Undang-Undang Islam dan semua hal ehwal Islam di negeri masing-masing, manakala bagi Wilayah Persekutuan, ia diletakkan di bawah bidang kuasa Parlimen.

Ketidakseragaman undang-undang Islam dan fatwa antara negeri merupakan antara isu yang sering dibincangkan oleh banyak pihak. Pada dasarnya, kedudukan undang-undang Islam yang diguna pakai berbeza antara negeri disebabkan setiap negeri mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Perbezaan ini menyebabkan timbul beberapa masalah berkaitan pengeluaran dan penguatkuasaan perintah, pelaksanaan saman dan waran-

tangkap serta lain-lain. Keadaan ini berpunca daripada ketidakseragaman undang-undang tersebut.

Dalam usaha mewujudkan penyeragaman hal ehwal Islam, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang diurussettiakan oleh Jakim telah menyediakan lima model undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Raja-Raja pada 22 Mac 2001. Undang-undang tersebut ialah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam, Undang-Undang Acara Jenayah, Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Undang-Undang Keluarga Islam.

Selain itu, usaha ke arah menyeragamkan perkara-perkara yang berkaitan undang-undang seperti fatwa, prosedur dan peraturan (kaedah dan perintah) yang dikuatkuasakan di negeri-negeri juga telah dilaksanakan. Ia bagi memastikan isu-isu yang berbangkit disebabkan ketidakselarasan undang-undang Islam serta fatwa antara negeri dapat diatasi.



Melaksanakan Dasar Islam Yang Menyeluruh

Kerajaan telah menggubal pelbagai dasar bagi tujuan menetapkan hala tuju negara dalam sesuatu bidang yang tertentu, di samping untuk menjadi rujukan dan panduan kepada semua pihak yang berkepentingan. Dalam konteks penggubalan dasar-dasar negara, antara hasrat kepimpinan kini adalah untuk memastikan segala dasar yang diimplementasikan menepati objektif yang ditetapkan oleh syariah (*Maqasid al-Syariah*).

Selain memastikan dasar-dasar negara menepati *Maqasid al-Syariah*, penggubalan dasar-dasar Islam yang merangkumi bidang-bidang akidah, dakwah, pendidikan dan latihan Islam, halal, penyelidikan Islam, kewangan Islam dan lain-lain juga perlu diberikan keutamaan. Dalam masa yang sama, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI) yang telah diperkenalkan pada tahun 1985 perlu diperkuuhkan agar dapat mencapai objektif yang ditetapkan.

Dalam rangka memastikan penyediaan dasar-dasar negara menepati *Maqasid al-Syariah*, kajian terhadap strategi, objektif dan program yang terkandung dalam dasar tersebut perlu dilaksanakan. Manakala bagi maksud penggubalan dasar-dasar Islam pula, kajian secara komprehensif hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu. Dapatkan daripada kajian ini akan digunakan sebagai input dalam proses penggubalan dasar-dasar

tersebut. Justeru, kajian-kajian yang menjurus kepada penghasilan input bagi tujuan penggubalan dasar perlu ditambah dan dipertingkatkan.

“Hakikatnya, kerajaan sentiasa menjadikan *Maqasid al-Syariah* (menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) sebagai kerangka asas pentadbiran negara. Malaysia telah melaksanakan banyak usaha dalam melindungi, menyubur dan memajukan Islam sebagai Agama Persekutuan.”

Petikan Ucapan
YAB Dato' Sri Mohd Najib
Tun Abd Razak
Perdana Menteri Malaysia
Sempena Majlis Perdana Ulama-Umara Dan
Anugerah Masjid Malaysia 2014



Mengukuhkan Jaringan Kerjasama dan Ukuwah

Dalam usaha mengekalkan kestabilan dan memelihara kepentingan strategik, pembentukan forum dan blok kerjasama merupakan antara pendekatan yang dilaksanakan oleh banyak negara pada masa ini. Situasi ini telah menyaksikan kewujudan pelbagai forum kerjasama antara negara sama ada di peringkat antarabangsa maupun serantau. Dalam usaha mengukuhkan kerjasama di kalangan negara Islam, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah ditubuhkan pada 25 September 1969. Ia merupakan satu forum kerjasama yang berperanan memperjuangkan kepentingan umat Islam dalam segenap bidang di seluruh dunia.

Untuk membolehkan Malaysia berperanan secara aktif di peringkat antarabangsa dan serantau, kerjasama multilateral dengan negara-negara lain perlu diperkuuhkan. Selain itu, kemunculan isu-isu berkaitan Islam dalam era globalisasi masa ini tidak lagi berpusat dalam negara semata-mata, bahkan menjangkau sehingga ke peringkat serantau dan antarabangsa. Kewujudan pelbagai medium teknologi maklumat hari ini membolehkan sesuatu doktrin atau ideologi yang menyeleweng disebarluaskan kepada orang ramai tanpa melalui tapisan atau sekatan oleh pihak berkuasa di negara terbabit. Justeru, jaringan kerjasama agensi pengurusan hal ehwal Islam dengan organisasi Islam di peringkat serantau



dan antarabangsa perlu diperkuuhkan agar penyelarasan terhadap sebarang isu yang melibatkan kepentingan negara dan umat Islam dapat dilaksanakan.

Di peringkat nasional pula, jaringan kerjasama antara Jakim dengan agensi kerajaan, sektor swasta dan korporat, serta badan bukan kerajaan perlu terus ditingkatkan demi memastikan program-program yang dilaksanakan memberi impak yang besar kepada pembangunan ummah dan negara. Melalui jaringan kerjasama ini juga hubungan ukhuwah dalam kalangan anggota masyarakat menjadi lebih erat dan kukuh.

Memupuk Perpaduan Ummah



Perpaduan umat Islam adalah antara isu kritikal yang perlu ditangani oleh agensi hal ehwal Islam di Malaysia. Antara faktor yang menggugat perpaduan adalah perbezaan latar belakang individu, ketaksuhan yang melampau kepada individu atau kumpulan tertentu, keterlibatan dengan ajaran yang menyeleweng dan sebagainya. Selain itu, perbezaan fahaman politik dalam komuniti Muslim juga telah mewujudkan kelompok-kelompok yang terpisah. Perpaduan sesama Muslim yang berlainan bangsa dan kaum juga masih belum begitu kukuh walaupun mereka telah diikat dengan kesatuan akidah.

Perbezaan antara manusia adalah sebahagian daripada fitrah insani yang

perlu diterima. Ia perlu diurus dengan penuh kebijaksanaan (hikmah) agar tidak membawa kepada permusuhan dan perpecahan. Perbezaan fahaman dan pendapat tidak seharusnya menjadi penghalang kepada perpaduan. Ia hendaklah ditangani secara cermat dan berhati-hati dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syariat. Jika ada yang terbabas keluar daripada landasan syariat, maka ia harus diperbetulkan. Justeru, dalam usaha memelihara ummah daripada terjerumus dalam kancalah perpecahan, Jakim perlu merangka pendekatan dan strategi yang bersesuaian bagi mencapai matlamat perpaduan sebagaimana yang dikehendaki dalam ajaran Islam.



Melaksanakan Gerakan Islah dan Dakwah Bersepadu

Kewujudan pelbagai organisasi dakwah masa ini merupakan petunjuk positif terhadap perkembangan Islam di Malaysia. Beberapa agensi yang diberikan peranan menyelaras dan melaksanakan program-program dakwah serta islah di peringkat nasional adalah seperti Jakim, IKIM, Yadim, Perkim dan lain-lain. Manakala agensi di peringkat negeri pula adalah Jabatan Agama Islam Negeri dan Institut atau Pusat Dakwah seperti yang terdapat di negeri Kedah, Negeri Sembilan dan lain-lain. Dalam masa yang sama, agensi-agensi ini turut dibantu oleh badan-badan dakwah, syarikat berkaitan kerajaan, syarikat swasta serta pihak-pihak yang berminat terhadap perkembangan dakwah Islamiah.

Walaupun begitu, kewujudan organisasi yang banyak dari sudut yang lain boleh menyebabkan berlaku pertindihan terhadap pelaksanaan program dan kumpulan sasaran, selain kelemahan penggunaan sumber secara yang

tidak optimum. Persaingan dalam gerak kerja dakwah yang sepatutnya bersifat lengkap-melengkap antara organisasi dakwah boleh bertukar menjadi persaingan untuk menonjolkan populariti sehingga mendatangkan implikasi negatif terhadap Islam dan gerakan dakwah. Pembawaan hala tuju dakwah yang tidak selaras juga akan memungkinkan masyarakat terkeliru dalam memahami isu-isu Islam yang cuba diketengahkan.

Justeru, adalah menjadi aspirasi Jakim untuk memastikan gerakan dakwah dan Islah dilaksanakan secara strategik dan bersepadu. Penggubalan Pelan Tindakan Dakwah Nasional (PTDN) merupakan antara langkah untuk membangunkan modal insan secara holistik. Permuafakatan dan kerjasama strategik antara pelbagai sektor serta perekayasaan semula program dakwah secara kreatif, inovatif dan bermanhaj perlu diberikan tumpuan agar matlamat melahirkan ummah yang terbaik dapat dicapai.

Mengukuhkan Akhlak dan Sahsiah Islam


Setiap hari media melaporkan pelbagai berita dan peristiwa yang menyentuh permasalahan akhlak dan sahsiah umat Islam, antaranya kegiatan maksiat, rogol, zina, penyalahgunaan dadah, keganasan rumah tangga, vandalisme, hedonisme (hiburan melampau), pergaulan bebas, budaya gay, lesbian

dan sebagainya. Golongan pemikir, pendidik dan pemimpin masyarakat sering juga memberi maklum balas bahawa gejala keruntuhan akhlak dan budaya songsang di kalangan umat Islam berada pada tahap yang membimbangkan.

Jadual 1 : Statistik Tangkapan Kesalahan Jenayah Syariah Tahun 2009-2012


JENIS KESALAHAN	2009	2010	2011	2012
Berjudi	711	1,190	1,288	1,463
Minuman Memabukkan	471	909	496	531
Perbuatan Sumbang Mahram	3	3	4	5
Pelacuran	33	4	4	5
Muncikari	1	1	0	0
Persetubuhan Luar Nikah	1,638	1,335	1,462	1,032
Subahat Persetubuhan Haram	565	0	35	173
Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melakukan Persetubuhan Luar Nikah	30	527	423	490
Perhubungan Jenis Luar Tabie	0	0	0	0
Hamil Luar Nikah	91	105	85	331
Liwat	2	0	8	0
Musahaqah	3	1	6	3
Khalwat	10,700	9,932	9,129	8,970
Bersekedudukan	2	1	60	842
Orang Lelaki yang Berlagak Seperti Perempuan	114	218	131	199
Perbuatan Tidak Sopan Di Tempat Awam	1,486	3,249	242	1,513

Jadual 2 : Statistik Anak Tak Sah Taraf Seluruh Malaysia Bagi Keturunan Melayu, 2008-2013



Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara

Jadual 3 : Statistik Penagih Dadah Mengikut Tahun



Sumber : Agensi Anti Dadah Kebangsaan

Bagi menangani isu ini, Jakim dan agensi yang berkaitan telah mengambil pelbagai inisiatif mengikut bidang kuasa masing-masing. Antaranya, Jakim telah menerbitkan Modul dan Manual Kaunseling Syarie, Manual HIV AIDS dan melaksanakan program pemulihan kepada golongan yang terlibat dalam

gejala keruntuhan akhlak dan budaya hidup songsang. Walau bagaimanapun, permasalahan akhlak dan sahsiah masih terus membelenggu kehidupan umat Islam. Usaha-usaha bagi menanganinya perlu dilaksanakan secara lebih berkesan dan menyeluruh.

Mengukuhkan Akidah Berteraskan Ahli Sunnah wal-Jamaah

Malaysia adalah negara yang menjadikan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah sebagai pegangan rasmi masyarakat Islam. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.

Bagi memastikan pegangan akidah umat Islam sentiasa terpelihara, Jakim dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan badan bukan kerajaan telah menganjurkan pelbagai program keilmuan dan kesedaran seperti simposium, seminar, forum dan sebagainya di seluruh negara. Selain itu, kajian dan tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan terhadap pihak-pihak yang cuba menyebarkan ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan akidah Islam.

Walaupun banyak usaha yang telah dilakukan, namun penyebaran ajaran yang menyeleweng serta aliran pemikiran sesat dalam masyarakat masih terus berleluasa. Kegiatan

kumpulan ajaran sesat dikesan masih berlaku dan muncul di beberapa lokasi tertentu di seluruh negara. Mereka juga dikesan menggunakan kecanggihan teknologi maklumat dan media baharu sebagai medium untuk mempengaruhi masyarakat awam. Kumpulan ini sentiasa bergerak melalui pendekatan yang halus dan licik serta cuba berselindung di sebalik prinsip keintelektualan dan kebebasan hak asasi manusia.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan bagi tempoh 2009 hingga 2014, sebanyak 95 kumpulan ajaran sesat telah dikenal pasti bergiat aktif di negara ini. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan dan pemulihan yang telah dilaksanakan, jumlah tersebut dapat dikurangkan kepada lapan ajaran sesat tegar pada akhir tahun 2014.

Sebagai kesinambungan kepada usaha yang telah dilaksanakan, program-program pengukuhan akidah, kajian dan tindakan penguatkuasaan perlu ditingkatkan. Jakim juga telah merangka pelan tindakan yang komprehensif bagi menangani isu-isu akidah dan aliran pemikiran yang menyeleweng.

Menangkis Persepsi Negatif Terhadap Islam

Penentangan terhadap Islam yang datang dari dalam dan luar negara, bukan sahaja disasarkan dalam bentuk umum, tetapi juga kepada pihak-pihak tertentu termasuk agensi dan institusi Islam. Ia boleh mendatangkan pelbagai implikasi, secara langsung dan tidak langsung kepada amalan, peraturan, undang-undang dan dasar kerajaan.

Sungguhpun pihak kerajaan sudah mempunyai dasar-dasar yang jelas berkenaan isu membabitkan hal ehwal Islam di negara ini, namun ada pihak cuba mencetuskan kontroversi dengan menyebarkan berita-berita tidak sahih yang boleh menjelaskan pihak berkuasa agama. Kemunculan fahaman melampau yang dipelopori oleh segelintir orang Islam harus ditangani supaya persepsi negatif terhadap agama Islam dapat dihindarkan.

Serangan pemikiran liberal merupakan ideologi pascapenjajahan yang

sengaja didoktrinkan oleh pihak Barat agar masyarakat Timur khususnya umat Islam terus tunduk di bawah kekuasaan mereka. Bagi membanteras serangan berbentuk pemikiran sebegini, pemahaman yang jelas berkenaan konsep-konsep penting yang membentuk pandangan alam Islam harus diterapkan kepada setiap Muslim.

Oleh itu, isu ini perlu ditangani secara tegas dan bijaksana melalui pelbagai program dan tindakan. Selain tindakan pencegahan dan penguatkuasaan, usaha berterusan dalam memberi kefahaman yang betul mengenai hakikat Islam boleh dilaksanakan melalui pendidikan dan penjelasan secara bersepadu. Selain itu, usaha memberi pencerahan kepada masyarakat perlu dilakukan secara kerap dan berterusan bagi mengimbangi kenyataan-kenyataan negatif yang dilaporkan pihak luar sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.



Memantapkan Institusi Keluarga Islam

Institusi keluarga merupakan komponen penting dalam masyarakat. Kukuhnya sesebuah keluarga memberi jaminan kepada keharmonian masyarakat dan kestabilan negara. Sebaliknya, jika institusi keluarga rapuh, ia akan menimbulkan pelbagai pergolakan yang boleh merencatkan usaha-usaha pembangunan dan kemajuan. Antara petunjuk negatif terhadap pembangunan institusi keluarga dan masyarakat di Malaysia ialah peningkatan kadar perceraian serta masalah perkahwinan yang tidak mengikut peraturan.

Jakim sedang menggubal dasar pembangunan keluarga Islam sebagai panduan kepada semua agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam melestarikan kesejahteraan keluarga Islam. Malah peranan Jakim bersama JAIN juga memberi pengetahuan asas kepada pasangan pengantin

melalui Kursus Praperkahwinan. Jakim juga mengambil langkah proaktif menyediakan Modul Pascaperkahwinan yang dibina berdasarkan empat fasa tempoh perkahwinan sebagai tindakan jangka panjang kepada pasangan suami isteri dalam meningkatkan penghayatan Islam dalam rumah tangga. Jakim secara berterusan menjalin kerjasama strategik dengan JAIN untuk meningkatkan kefahaman ilmu kekeluargaan dengan menganjurkan Seminar Rumahku Syurgaku di peringkat kebangsaan dan negeri.

Sehubungan itu, pembangunan keluarga dan masyarakat perlu mendapat sokongan padu dan berterusan oleh semua agensi di pelbagai peringkat agar objektif mengukuhkan institusi keluarga dan masyarakat yang sejahtera tercapai.

Memantapkan Pengurusan Halal

Malaysia diiktiraf sebagai peneraju dan rujukan di peringkat global dalam pengurusan pensijilan halal. Antara petunjuk positif terhadap pengiktirafan tersebut ialah rujukan khidmat kepakaran dan pengalaman Jakim untuk dijadikan penanda aras dalam pembangunan struktur pensijilan halal oleh negara luar termasuk negara anggota OIC dan minoriti Muslim.

Dalam menguruskan pensijilan halal, Jakim berhadapan pelbagai cabaran. Cabaran utama adalah untuk mengeluarkan sijil halal yang cepat dan tepat, namun pada masa yang sama tetap memastikan ia dilakukan dengan cermat dan penuh integriti. Kelewatan dalam pengeluaran sijil halal dan pemberian maklum balas kepada pengguna terhadap sesuatu isu boleh menimbulkan pelbagai spekulasi dan menjekaskan reputasi Jakim. Selain itu, suasana di Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada penganut berbilang

agama menyebabkan isu halal dan haram menjadi amat sensitif dalam kalangan masyarakat Islam.

Perintah Perihal Dagangan (Penandaan dan Perakuan Halal) 2011 telah menetapkan bahawa Jakim dan JAIN sebagai pihak berkuasa pensijilan halal. Penyelarasian telah dibuat melalui beberapa forum di peringkat pegawai pelaksana dan pengurusan tertinggi, namun masih terdapat isu-isu penyelarasian di kalangan pihak berkuasa pensijilan yang perlu ditangani.

Di peringkat antarabangsa, persaingan industri halal pada masa ini amat mencabar. Kebanyakan negara Islam di Timur Tengah dan rantau ASEAN sedang berusaha memperkuatkukuhkan infrastruktur pengurusan halal di negara masing-masing dengan matlamat menjadi peneraju halal dunia.



Justeru, Jakim hendaklah mengekalkan kewibawaan dan kredibilitinya dalam pengurusan pensijilan halal di peringkat domestik dan antarabangsa. Pensijilan Halal Malaysia perlu meraih kepercayaan seluruh masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan dengan jaminan

bahawa produk dan perkhidmatan yang dipersijilkan telah mematuhi semua keperluan syariah dan piawaian yang ditetapkan. Dalam masa yang sama kesedaran dan kefahaman umat Islam terhadap konsep dan pelaksanaan halal di Malaysia perlu ditingkatkan.

Menyeragamkan Pendidikan Islam

Urusan pendidikan agama Islam sama ada secara formal atau tidak formal terutamanya di sekolah agama rakyat (SAR), sekolah agama negeri (SAN), program KAFA dan pengimaranan masjid adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, pendidikan agama Islam yang diurus tadbir oleh pihak berkuasa agama negeri perlu diselaraskan pelaksanaannya. Melalui cara ini, isu-isu penguasaan pembelajaran, keupayaan guru, latihan pengajaran dan pembelajaran dapat diatasi, manakala perkara-perkara berkaitan kurikulum, peperiksaan dan penggunaan buku teks dapat diselaraskan.

Pelajar-pelajar dalam bidang tafhib juga masih menghadapi cabaran dari aspek pengiktirafan. Bagi mengatasi isu ini, Jakim telah berusaha memperkenalkan dan meningkatkan program tafhib di

bawah pusat-pusat pengajian Jakim. Antaranya melalui penubuhan serta pelaksanaan program tafhib di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) yang mendapat pengiktirafan Kerajaan.

Dari segi pendidikan tidak formal pula, usaha pihak pengurusan masjid dalam melaksanakan program pengimaranan seharusnya dapat memenuhi keperluan masyarakat. Oleh itu, tindakan Jakim menyelaraskan program pengimaranan masjid dan menjadikannya sebagai pusat pendidikan sepanjang hayat akan terus dilaksanakan dengan memperkasakan ilmu pengetahuan dan kemahiran pengurusan masjid. Keberkesanan program ini akan sentiasa ditingkatkan dengan melaksanakan kajian keberkesanan program takmir masjid.

Dalam usaha memperkuuhkan program pendidikan Islam, Jakim sebagai urus setia Lembaga Penasihat Penyelarasian Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) akan memastikan peranan LEPAI terus diperkasakan.



Memantapkan Tadbir Urus Agensi dan Institusi Islam

Tadbir urus yang baik adalah kunci utama kejayaan polisi dan inisiatif kerajaan. Beberapa ciri penting tadbir urus yang baik seperti yang dijelaskan oleh Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) ialah keterlibatan, ketelusan, akauntabiliti, kedaulatan undang-undang, efektif, kesaksamaan, membuat keputusan secara bersama dan responsif.

Dalam usaha memantapkan tadbir urus, kerajaan telah mengeluarkan pelbagai pekeliling dan arahan yang bertujuan meningkatkan lagi kecekapan serta menambah baik prestasi sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam. Pekeling dan arahan tersebut merangkumi pelbagai aspek pelaksanaan tugas seperti pengurusan kaunter dan aduan, pengurusan mesyuarat, tatacara pengurusan kewangan, mengurangkan karenah birokrasi, mengukuhkan integriti sektor awam dan banyak lagi. Prinsip tadbir urus yang baik telah diterapkan

melalui pekeliling dan arahan tersebut bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan dalam perkhidmatan awam.


Antara cabaran tadbir urus yang baik ialah kelemahan integriti yang mendorong kepada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Selain itu, masalah lain yang seringkali dibangkitkan ialah kelewatan memberikan perkhidmatan, kualiti yang tidak memuaskan, karenah birokrasi yang panjang dan sebagainya. Oleh kerana itu, agensi dan institusi pengurusan Islam sebagai komponen kepada perkhidmatan awam hendaklah terus berusaha ke arah meningkatkan tadbir urus yang baik agar dapat menjadi contoh kepada perkhidmatan yang lain. Keupayaan melaksanakan tadbir urus yang baik akan meningkatkan imej agensi itu sendiri, sekaligus dapat memartabatkan Islam sebagai agama yang dinamik, maju dan progresif.



Membangunkan Modal Insan

Modal insan dalam pengurusan hal ehwal Islam merupakan aset penting kepada kesejahteraan ummah dan pembangunan negara. Peranan anggota perkhidmatan hal ehwal Islam masa ini dan akan datang begitu penting dan mencabar. Antara peranan mereka ialah sebagai pentadbir, pengurus,

pakar rujuk dan penasihat dalam bidang keislaman. Golongan ini tidak hanya di kalangan penjawat awam dalam skim perkhidmatan hal ehwal Islam semata-mata, tetapi meliputi juga pengajar-pengajar di surau, masjid, saluran radio, televisyen dan sebagainya.



Data sehingga 31 Disember 2014


Kepentingan dalam menyediakan pegawai yang kompeten dan berprestasi tinggi bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuannya, tetapi juga dengan memiliki sahsiah diri yang mulia, bersikap kolektif dan bersatu hati dalam perkhidmatan, berbudaya kerja

cemerlang, berkemahiran, berfikiran maju dan berpandangan jauh. Dalam melaksanakan pembangunan modal insan, Dasar Latihan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI) telah dibangunkan secara khusus untuk kumpulan Pengurusan dan Profesional serta

kumpulan sokongan. Dasar ini bertujuan untuk melengkapkan diri pegawai skim PHEI dengan pengetahuan, kemahiran, sikap dan kerohanian yang bersesuaian melalui program pembangunan modal insan yang terancang, sistematik dan komprehensif.

Pelbagai kemahiran bagi meningkatkan kompetensi pemberi khidmat dalam bidang agama Islam diperlukan sehingga boleh diiktiraf sebagai

golongan pakar dalam bidang-bidang yang berkenaan. Banyak latihan kemahiran perlu disediakan kepada golongan ini supaya matlamat untuk membangunkan ummah tercapai dengan berkesan, terutamanya dalam merealisasikan lapan bidang teras perkhidmatan hal ehwal Islam yang menjelaskan fungsi dan tugas dalam skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam.



Memanfaatkan Ledakan Teknologi Informasi dan Komunikasi



Sains dan teknologi sentiasa berkembang dan berubah dengan pantas. Kemunculan teknologi informasi dan komunikasi kini, khususnya internet dan telefon pintar telah menjadi tumpuan utama masyarakat. Ia memberi ruang yang terbuka luas untuk menyebar atau mendapatkan maklumat. Dari sudut positifnya, ia boleh dimanfaatkan untuk tujuan peningkatan ilmu pengetahuan dan taraf kehidupan.

Dalam arus kemodenan hasil kemajuan ilmu dan teknologi tersebut, dakwah Islam didapati belum sepenuhnya mengambil peranan dan manfaat daripadanya. Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang dilihat semakin berpengaruh dalam pembentukan pemikiran manusia ini merupakan satu cabaran besar dalam kerja-kerja dakwah. Keupayaan

menyebarluaskan atau menerima sesuatu maklumat tanpa tapisan boleh mendatangkan bahaya kepada agama, sistem nilai dan sosiobudaya masyarakat. Impak buruk daripada serangan negatif medium ini boleh menjelaskan pegangan akidah dan penghayatan syariah, tidak terkecuali kepada nilai-nilai akhlak yang murni.

Untuk membendung gejala ini, jalinan kerjasama pelbagai pihak dan agensi yang mempunyai kuasa dan kepentingan amat diperlukan. Jakim sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain bagi tujuan membendung unsur negatif dari tersebar melalui media sosial. Di samping itu, Jakim

secara proaktif sentiasa berusaha memberi jawapan dan penjelasan tentang isu-isu agama melalui pelbagai saluran termasuk internet dan telefon pintar.

Usaha Jakim memanfaatkan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk menyebarluaskan kefahaman Islam dalam aspek akidah, syariah dan akhlak telah mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Antara anugerah yang diperoleh ialah:

- Portal Jakim.tv - Johan Anugerah Inovasi JPM (Kategori ICT) bagi tahun 2013
- MyJAKIM - *Best Mobile Application* bagi kategori mobile sempena FutureGOV Award 2013
- Portal e-Halal - Johan Anugerah

Inovasi JPM (Kategori ICT) bagi tahun 2012

- Portal e-Fatwa - Finalis Anugerah Kajian Kes *Open Source Software* (OSS) Kategori Sektor Awam sempena *Malaysian Government Open Source Software Conference* (MyGOSSCON) 2010

Kejayaan yang diraih melalui pelbagai pengiktirafan ini seharusnya menjadikan warga Jakim lebih bersemangat, kreatif dan inovatif untuk meneruskan penerokaan baru dalam bidang ICT. Kesinambungan kepada inisiatif yang telah dilaksanakan perlu diteruskan dengan lebih gigih dan cemerlang pada masa hadapan.



BAB

3

Hala Tuju Strategik

HALA TUJU STRATEGIK

VISI, MISI DAN SLOGAN



LOGO JAKIM

Bulan dan Bintang

Ia merupakan ikon agama Islam.

Warna kuning menyatakan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu menaungi dan menjaga hal ehwal agama Islam. Bintang 14 mewakili setiap negeri di Malaysia.



Huruf Alif

Jakim merupakan badan utama yang menerajui usaha membina ketamadunan ummah yang unggul di Malaysia dan dunia Islam.

Huruf Alif juga merujuk kepada ajaran Islam sebagai al-Din dalam pentadbiran dan pengurusan Jakim yang profesional serta efisien.

Bentuk tipografi 'JAKIM' diambil daripada bentuk huruf yang tebal. Bentuk taip ini mempunyai unsur-unsur penegasan, cekap dan berkesan. Ini amat bertepatan dengan visi Jakim, iaitu Peneraju Kecemerlangan Pengurusan Hal Ehwal Islam Di Malaysia Menjelang 2020.

Konsep Reka Bentuk Logo

Reka bentuk logo secara keseluruhannya melambangkan transformasi yang dibentuk oleh Jakim seiring dengan visi, misi, moto, objektif dan fungsi jabatan ini sebagai peneraju dalam membina ketamadunan ummah yang unggul.

Konsep reka bentuk logo berdasarkan reka bentuk struktur menara masjid yang diolah melalui tulisan khat Kufi.

Warna-Warna Logo


■ Penggunaan warna merah menggambarkan semangat, kesediaan dan keupayaan Jakim dalam menuju transformasinya sebagai badan yang ulung di negara ini.

■ Penggunaan warna biru menggambarkan terlatih, berketerampilan, dedikasi dan berhikmah warga Jakim dalam membangunkan modal insan ke arah mencapai misi, visi dan objektif jabatan.

■ Penggunaan warna kuning membawa maksud kecemerlangan yang dicipta bersama-sama misi, visi dan objektif Jakim sebagai hala tuju jabatan.

■ Penggunaan warna hitam membawa maksud Jakim sebagai peneraju dalam pembinaan ketamadunan ummah yang unggul di rantau ini.

NILAI BERSAMA



BAB

5

Implementasi ke Arah Kejayaan

IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan strategik ini merupakan rujukan utama jabatan untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Berdasarkan kepada strategi yang telah dinyatakan, setiap bahagian di Jakim hendaklah melaksanakan semua program yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing mengikut indikator dan tempoh sasaran seperti yang ditentukan.

Dalam pelaksanaan pelan strategik ini, dua peringkat jawatankuasa telah diwujudkan, iaitu Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Jakim Peringkat Ketua Teras dan Jawatankuasa Pelan Strategik Jakim Peringkat Jabatan. Jawatankuasa peringkat Ketua Teras mengandungi tujuh jawatankuasa yang dibentuk berdasarkan teras yang telah ditetapkan. Ia dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian yang menyelaraskan teras berkenaan dan

ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah-Pengarah Bahagian yang berkaitan. Manakala jawatankuasa peringkat jabatan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jakim dan ahli-ahlinya terdiri daripada semua Pengarah Bahagian.

Pegawai penyelaras di setiap bahagian perlu melaporkan pelaksanaan program bahagian masing-masing melalui sistem *dashboard* yang telah dibangunkan. Jawatankuasa peringkat Ketua Teras hendaklah membuat semakan dan penilaian terhadap laporan pelaksanaan tersebut dua kali setahun, iaitu pada bulan Jun dan November sebelum jawatankuasa peringkat jabatan membuat penilaian melalui Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik Jabatan pada bulan Julai dan Disember.

Bagi memastikan segala perancangan yang dibuat sentiasa kemaskini, semakan dan kajian semula terhadap kandungan dokumen ini akan dilaksanakan pada tahun 2017. Kajian ini bertujuan untuk menilai dan menentukan keberkesanan

pelaksanaan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran berdasarkan objektif yang ditetapkan. Ia turut mengambil kira senario baharu perubahan persekitaran dan tumpuan strategik di Jakim.

1

Pelaporan pelaksanaan program oleh pegawai penyelaras bahagian melalui sistem *dashboard*

Setiap bulan

2

Semakan dan penilaian laporan pelaksanaan peringkat Ketua Teras

Dua kali setahun
(Jun dan November)

3

Pembentangan laporan pelaksanaan dan penilaian dalam Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik Jakim oleh setiap Ketua Teras

Dua kali setahun
(Julai dan Disember)

4

Kajian semula, penilaian dan penambahbaikan

2017

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Kejayaan Jakim bagi merealisasikan perancangan yang telah digariskan

bergantung kepada beberapa elemen yang berikut:

Kepimpinan Yang Berwawasan

Kepimpinan merupakan faktor penting dalam memastikan kecemerlangan organisasi. Pemimpin adalah peneraju organisasi yang mengintegrasikan kesemua faktor dalam organisasi secara strategik bagi mencapai

wawasan, matlamat dan objektif yang ditetapkan. Justeru, kepimpinan yang berwawasan amat diperlukan bagi merealisasikan segala perancangan yang terkandung dalam pelan strategik ini.

Modal Insan Yang Profesional

Modal insan adalah sumber utama bagi sesebuah organisasi, di samping sumber-sumber lain seperti mesin, peralatan, kewangan dan sebagainya. Kejayaan organisasi mencapai visi, misi dan matlamat yang ditetapkan

bergantung kepada keupayaan modal insan yang dimilikinya. Dalam memastikan kejayaan Pelan Strategik Jakim 2015 – 2019, modal insan yang profesional dan berwibawa amatlah diperlukan.

Budaya Kerja Berprestasi Tinggi

Budaya kerja berprestasi tinggi adalah antara faktor penentu kepada kejayaan Jakim merealisasikan segala perancangan yang terkandung dalam dokumen pelan strategik ini. Pembentukan budaya kerja berprestasi

tinggi menuntut warga Jakim bekerja secara sistematik, kreatif, inovatif berintegriti, mengutamakan semangat berpasukan serta sedia berubah bagi mendepani cabaran.

Pembangunan Prasarana dan Sistem Teknologi Maklumat

Pembangunan prasarana dan sistem teknologi maklumat terkini akan menyumbang ke arah peningkatan kecekapan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam. Ia

seterusnya akan membantu Jakim melaksanakan hasrat kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Persekitaran Kerja Yang Kondusif

Persekitaran tempat kerja yang selesa, selamat dan bersih merupakan antara elemen penting bagi sebuah organisasi. Keselesaan persekitaran tempat kerja akan mendorong warga

Jakim bekerja dengan lebih komited dan bersungguh-sungguh bagi memenuhi aspirasi jabatan, sekaligus meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

Penglibatan Ulama dan Golongan Pakar

Penggubalan dasar-dasar Islam adalah sebahagian daripada tugas utama Jakim sebagai agensi penyelarasan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan. Keterlibatan ulama dan golongan

pakar dalam memberikan input serta pandangan berkaitan dasar-dasar hal ehwal Islam akan memberi impak yang positif kepada kemajuan ummah dan negara.

Penyelarasan Agensi Islam Peringkat Persekutuan dan Negeri

Kejayaan pelaksanaan strategi, tindakan dan program yang digariskan dalam pelan strategik ini amat bergantung kepada kerjasama dan koordinasi yang baik dengan semua pihak yang terlibat. Untuk tujuan itu, Jakim perlu melaksanakan penyelarasan bersama agensi Islam

di peringkat persekutuan dan negeri bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian hal ehwal Islam. Ia sekaligus dapat mengelakkan pembaziran guna tenaga dan pertindihan fungsi antara agensi, serta menjimatkan kos pengurusan.

Kerjasama Agensi Awam, Swasta, Korporat dan Badan Bukan Kerajaan

Selaras dengan pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*), agensi awam digalakkan supaya meningkatkan jaringan kerjasama dengan sektor swasta, korporat dan badan bukan

kerajaan. Dalam hal ini, kolaborasi antara Jakim dan agensi tersebut dalam menjayakan pelaksanaan strategi dan program yang telah dirancang adalah penting bagi meningkatkan kemaslahatan ummah dan negara.

Kerjasama Institusi Islam Peringkat Serantau dan Antarabangsa

Pengukuhan kerjasama Jakim dengan institusi Islam peringkat serantau dan antarabangsa akan membolehkan usaha menangani isu-isu umat Islam dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berstrategi. Isu-isu

agama yang bersifat rentas sempadan merupakan antara cabaran baru yang perlu ditangani oleh agensi hal ehwal Islam. Ia juga membantu Jakim melaksanakan dasar serta program Islam secara lebih luas.

Iltizam Pihak Berkepentingan

Pihak-pihak berkepentingan merupakan penentu keputusan terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Jakim. Justeru, iltizam dan sokongan padu daripada pihak-pihak berkepentingan akan melicinkan pelaksanaan

dasar-dasar hal ehwal Islam dan menyemarakkan lagi semangat kerja warga Jakim dalam memastikan pencapaian wawasan negara.

LANGKAH KE HADAPAN

Berdasarkan perancangan yang telah digariskan dalam dokumen perancangan strategik ini, Jakim sebagai agensi pusat yang diamanahkan menyelaras hal ehwal Islam komited untuk memastikan kemaslahatan ummah dan negara terus terpelihara sejahtera dengan program transformasi kerajaan dalam pelbagai bidang.

Jakim akan sentiasa memperkuuhkan peranannya sebagai agensi peneraju kecemerlangan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia menjelang tahun 2020 sejahtera dengan misinya “Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam Untuk Meningkatkan Kemaslahatan Negara Melalui Pemerkasaan Agensi Islam Secara Inovatif dan Strategik”.

Permuafakatan dan jalinan kerjasama dengan semua pihak, terutamanya agensi pengurusan hal ehwal Islam serta agensi-agensi lain sama ada di peringkat persekutuan atau negeri juga perlu diperkasakan agar agenda pembangunan ummah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sistematik.





BAB

6

Penutup

PENUTUP

Pelan Strategik Jakim 2015 - 2019 menggariskan teras, strategi dan program ke arah mencapai matlamat strategik untuk tempoh lima tahun. Pelan ini juga telah mengenal pasti beberapa cabaran semasa dan elemen penentu kejayaan serta menyusun perancangan yang lebih sistematik bagi mencapai wawasan dan misi nasional kerajaan. Sehubungan itu, sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap adalah kunci kepada kejayaan pelaksanaan program dan kecemerlangan organisasi. Di samping itu, tumpuan juga akan terus diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasian, pemantauan dan penilaian agar semua program yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang disasarkan.



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
603-8886 4000
www.islam.gov.my

